

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNG RUGI**



Kepada:

Tenaga Nasional Berhad,  
No. 129, Jalan Bangsar,  
59200 Kuala Lumpur.

Saya, .....

No.Kad Pengenalan: ....., yang beralamat di .....

sesungguhnya bersetuju dan berakujanji dengan Tenaga Nasional Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 200866-W) (selepas ini dirujuk sebagai 'TNB'), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, dan mempunyai alamat berdaftar di No. 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan yang beralamat di .....

seperti berikut:

1. Saya mengakui dan bersetuju bahawa \*individu / syarikat / perniagaan bernama: .....

dengan \*No. Kad Pengenalan / No.Pendaftaran Syarikat / No. Pendaftaran Perniagaan: .....

adalah pengguna berdaftar yang mempunyai nombor akaun ..... bagi bekalan elektrik yang dibekalkan oleh TNB ke premis yang beralamat di .....

.....(selepas ini dirujuk sebagai "Premis").

2. Saya mengakui bahawa saya mempunyai hubungan sebagai ..... kepada pengguna berdaftar tersebut.

3. Saya mengakui bahawa wang cagaran sedia ada akan ditolak dengan kiraan caj penggunaan elektrik terakhir (sekiranya berkenaan) sebelum baki kredit wang cagaran tersebut dikembalikan melalui kaedah yang dipilih.

4. Saya bersetuju dan berakujanji akan menanggung dan/atau menggantirugi segala kos perbelanjaan, gantirugi, kerugian yang perlu atau akan ditanggung oleh TNB terhadap apa-apa tuntutan dan/atau dakwaan daripada mana-mana pihak kelak yang timbul akibat daripada permohonan penutupan akaun pengguna berdaftar ini oleh \*saya/kami serta pembayaran wang cagaran bekalan elektrik oleh TNB bagi akaun tersebut kepada \*saya/kami.

5. Saya juga mengakujanji akan menanggung apa-apa kerugian atau perbelanjaan termasuk kos dan yuran guaman TNB dalam menguatkuasakan Akujanji ini di mahkamah.

6. Klausula-klausula di dalam Akujanji ini adalah berasingan dan berbeza di antara satu sama lain dan pada bila-bila masa sekiranya terdapat salah satu atau lebih daripada klausula-klausula tersebut menjadi tidak sah dari segi undang-undang, maka ketidaksahan tersebut tidak akan sama sekali memberi kesan kepada klausula-klausula yang lain.

7. Saya juga bersetuju menyatakan bahawa Akujanji ini telah ditandatangani secara sukarela tanpa apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan saya menyedari dan memahami sepenuhnya implikasi daripada Akujanji ini.

8. Akujanji ini mengikat pewaris, wasi, pentadbir, pengganti hakmilik dan wakil-wakil yang dilantik oleh saya.

9. Saya akan menanggung bayaran setem duti bagi Akujanji ini.

AKUJANJI ini telah dilaksanakan pada tarikh ..... tahun .....

Nama : .....

\*No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan: .....

Tandatangan : ..... Cop Rasmi Syarikat : .....

*\*sila potong yang tidak berkenaan*